

SOALAN LAZIM :
PROGRAM PENINGKATAN ENTERPRIS BUMIPUTERA (BEEP) PLUS

1. Apa itu Program BEEP Plus?
Program BEEP Plus merupakan Program Pengukuhan Mikro Madani, bertujuan untuk mewujud dan membangunkan syarikat bersaiz **mikro milikan Bumiputera di Sabah dan Sarawak**. Program BEEP Plus bertujuan untuk melahirkan syarikat yang berdaya saing, berdaya tahan dan dinamik melalui bantuan bersepada dengan pendekatan bimbingan, termasuk memperkuatkkan teras perniagaan perusahaan mikro; membina kapasiti dan keupayaan dan meningkatkan produktiviti serta memudahkan akses kepada pembiayaan.
2. Apakah bentuk bantuan yang disediakan?
Bantuan secara Geran Padanan sehingga 70% pembiayaan atau maksimum sebanyak RM250,000 bagi setiap perusahaan mikro yang diluluskan.
3. Bilakah permohonan program BEEP Plus akan dibuka?
Permohonan BEEP telah dibuka bermula 20 September 2023 dan perincian berkenaan program ini dimaklumkan menerusi laman sesawang dan media sosial rasmi SME Corp. Malaysia.
4. Bagaimana untuk memohon?
Perusahaan mikro yang beroperasi di Sabah dan Sarawak hendaklah membuat tempahan sesi konsultasi menerusi slot MeetMe di portal MyAssist MSME (www.myassist-msme.gov.my) ataupun boleh menghubungi pegawai SME Corp. Malaysia seperti berikut:
 - (i) Cik Wan Amira Hazwani Bt. Mohd Nasir (Tel : 03-2775 6275)
 - (ii) Suzy Yanty Ahmad Rubani (Tel : 03-2775 6300)
 - (iii) Pejabat SME Corp. Malaysia Sabah (088-447373 / 7374)
 - (iv) Pejabat SME Corp. Malaysia Sarawak (082-239659 / 082-256955 / 082-238955)
Emel : urusetiabeep@smeCorp.gov.my

Syarikat akan disaring terlebih dahulu berdasarkan kriteria kelayakan dan projek yang hendak dilaksanakan bawah Program BEEP Plus. Syarikat akan diberikan borang permohonan beserta no. siri melalui emel oleh Urusetia BEEP Negeri Sabah atau Sarawak.

SME Corp. Malaysia juga tidak pernah melantik juruperunding / pihak ketiga bagi mengedarkan borang dan membantu syarikat melengkapkan borang serta mengemukakan permohonan di bawah program ini. Sekiranya didapati syarikat ada menggunakan juruperunding / pihak ketiga untuk tujuan tersebut, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan/ menarik balik permohonan syarikat secara automatik.

5. Semua permohonan dan rayuan akan dikenakan fi pemprosesan. Kadar Fi adalah seperti berikut:

- a) Fi pemprosesan: RM100.00
- b) Fi rayuan: RM100.00

6. Adakah Program BEEP Plus akan dibuka kepada semua PMKS tanpa mengira sektor perniagaan?

Program BEEP Plus terbuka kepada semua perniagaan bersaiz mikro ((kecuali perbankan, insurans, harta tanah dan urusan bermula dalam sekuriti) dan menepati syarat seperti berikut:

- a) mempunyai sijil Status PMKS sah tempoh; dan
- b) Sekiranya syarikat baru memulakan perniagaan, syarikat perlu beroperasi sekurang-kurangnya 6 bulan.

7. Berapa lamakah keputusan permohonan akan diperolehi?

Selama 21 hari bekerja daripada permohonan lengkap yang telah diterima oleh syarikat.

8. Apakah dokumen asas yang diperlukan?

Syarikat perlu mengemukakan Sijil Akuan PMKS semasa mengemukakan permohonan baharu dan slip pembayaran Sijil Penarafan Daya Saing PMKS untuk Peningkatan (SCORE) sebelum tuntutan akhir dibuat (sekiranya permohonan telah diluluskan).

Bagi Syarikat yang beroperasi kurang daripada 12 bulan, perlulah mengemukakan *Management Account* atau sebarang dokumen yang bersesuaian bagi membuktikan bahawa syarikat mempunyai perniagaan yang berpotensi.

Tamat